



LAPORAN

Hari Audit & Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2021



20 - 21 SEPTEMBER 2021 / SECARA DALAM TALIAN



ISI KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1. HARI AUDIT SEKTOR AWAM	
1.1 Pendahuluan	2
1.2 Objektif	2
1.3 Perasmian oleh Ketua Audit Negara	3
1.4 Pelancaran Pelan Strategik / Hasil Penyelidikan / Garis Panduan	5
2. PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM	
2.1 Sesi I: Panel Diskusi Norma Baharu: Pendigitalan Sektor Awam	6
2.2 Sesi II: Ceramah: Dasar Bekerja dari Rumah	11
2.3 Sesi III: Panel Diskusi Digital Audit: Teori Dan Pengalaman	22
2.4 Sesi IV: Ceramah Penghayatan Kod Etika Juruaudit	32
2.5 Rumusan Persidangan dan Majlis Penutup	41
3. TEKS UCAPTAMA OLEH YBHG. DATUK KETUA AUDIT NEGARA	43
4. GALERI	53
5. JAWATANKUASA	63

1.1 PENDAHULUAN

Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2021 merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) sebagai platform perkongsian maklumat daripada pelbagai agensi dan pemegang taruh JAN serta penyertaan di kalangan warga JAN. Maklumat terkini yang dikongsi ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan semasa juruaudit atau sebagai pencetus kepada buah fikiran yang lebih mantap serta boleh diaplikasikan di dalam tugas harian.

Tema sambutan yang dipilih pada tahun ini, “**Juruaudit Mendepani Cabaran Norma Baharu: Memperkasa Akauntabiliti Awam**” adalah bersesuaian dengan keadaan semasa pandemik COVID-19 yang melanda di seluruh dunia. Sejajar dengan Pelan Pemulihan Negara ke arah fasa endemik selepas ini, JAN wajar memikirkan strategi ke arah pelaksanaan tugas pengauditan secara *hybrid* iaitu kombinasi antara audit lazim dan penggunaan teknologi maklumat serta pendigitalan yang bersistematik. Ia juga merupakan sebahagian daripada usaha JAN dalam mencapai Teras 2, Pelan Strategik JAN 2021-2025 iaitu “Memperkasakan Pengauditan Sektor Awam” melalui pelaksanaan dua (2) Objektif Strategik iaitu; Memantapkan Pengauditan Digital serta Memantapkan Aktiviti Susulan Audit.

1.2 OBJEKTIF

Majlis Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2021 diadakan bertujuan untuk:-

- i. Memupuk kesedaran awam berkenaan kepentingan peranan audit ke arah mewujudkan akauntabiliti sektor awam;
- ii. Memantapkan peranan dan fungsi juruaudit yang kini semakin mencabar;

- iii. Menghasilkan mutu kerja yang tinggi dan memenuhi ekspektasi pihak-pihak yang berkepentingan seperti pemegang taruh;
- iv. Perkongsian maklumat, pengetahuan dan pengalaman berkaitan isu semasa serta perkembangan terkini berhubung perakaunan, pengauditan dan lain-lain perkara berkaitan; dan
- v. Pembangunan sahsiah dan kapasiti juruaudit sektor awam.

1.3 PERASMIAN OLEH KETUA AUDIT NEGARA

Pada tahun ini, sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2021 telah julung kali diadakan secara maya pada 20 hingga 21 September 2021 dengan dirasmikan oleh YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara Malaysia.

Secara amnya, ucapnama YBhg. Datuk Ketua Audit Negara merangkumi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Penasihat dan Urus Setia penganjuran serta mengalu-alukan kehadiran peserta yang terdiri daripada ahli panel dari pelbagai agensi, peserta daripada warga JAN serta *Malaysia Institute of Accountants (MIA)* dan *Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM)*. Tahniah juga diucapkan kepada usaha pelancaran garis panduan dan hasil penyelidikan yang terdiri daripada Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, Bahagian Sumber Manusia, Akademi Audit Negara, Unit Koperasi Korporat dan Bahagian Teknikal Sektor Prestasi. YBhg. Datuk juga berharap agar garis panduan dan hasil penyelidikan akan menjadi panduan dan memberi faedah kepada warga JAN keseluruhannya.

YBhg. Datuk turut menyentuh berkaitan perubahan cara kerja audit iaitu lebih kepada *remote auditing* atau pengauditan jarak jauh terutamanya semasa musim pandemik COVID-19. Oleh itu, tema persidangan kali ini **“Juruaudit Mendepani Cabaran Norma Baharu: Memperkasa Akauntabiliti Awam”** adalah bertepatan dengan keadaan semasa. Juruaudit hendaklah lebih bersedia untuk menyahut cabaran di dalam

norma baharu walaupun mempunyai kekangan untuk bekerja secara bersemuka terutama tugas pengauditan di lapangan. Oleh itu, JAN kini mengorak langkah ke arah pendigitalan audit dan dalam masa yang sama hendaklah mengekalkan kredibiliti Laporan Ketua Audit Negara.

JAN juga mengenal pasti kekangan pendigitalan yang menyeluruh bukan sahaja di peringkat JAN, tetapi meliputi pihak auditi. Namun, secara tidak langsung pandemik COVID-19 menjadi pemangkin kepada pendigitalan sektor awam yang diterajui oleh MAMPU. Selanjutnya, Pelan Strategik Pendigitalan JAN perlu selari dengan *Sustainable Development Goals* 2030, Rancangan Malaysia ke-12 serta Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan perkhidmatan Kerajaan yang berpaksikan rakyat.

Seterusnya, YBhg. Datuk menyatakan keperluan JAN untuk mempelbagaikan pendekatan audit dalam memperoleh data, melaksanakan prosedur audit serta menganalisis maklumat untuk mengurangkan risiko fraud dan penyelewengan. JAN akan bergerak ke hadapan dalam melaksanakan kolaborasi dengan pelbagai agensi ke arah *process automation* dengan penggunaan *artificial intelligence* agar laporan audit lebih berkualiti.

YBhg. Datuk juga menyatakan berkaitan usaha yang baik dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam Kementerian Sumber Manusia dengan memperkenalkan MyAudit KSM iaitu *audit dashboard* di peringkat Kementerian. Harapan YBhg. Datuk selanjutnya agar Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2021 sebagai *turning point* ke arah menjayakan agenda pendigitalan juruaudit sektor awam. Teks Ucaptama oleh YBhg. Datuk Ketua Audit Negara adalah seperti di **Muka Surat 43**.

1.4 PELANCARAN PELAN STRATEGIK / HASIL PENYELIDIKAN / GARIS PANDUAN

Majlis Hari Audit turut menyaksikan pelancaran beberapa dokumen penting JAN iaitu dengan montaj pelancaran iaitu:-

- i. Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia 2021-2025
- ii. Pelan Strategik Akademi Audit Negara 2021-2025
- iii. Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
- iv. Laporan Hasil Penyelidikan iaitu;
 - Amalan Kualiti Audit
 - Pengumpulan Bukti Audit Semasa Pandemik
 - Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*)
- v. Prosedur Operasi Standard (SOP) Keselamatan Pengauditan di Lapangan

2. PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM

2.1 SESI I

2.1.1. Forum: Norma Baharu: Pendigitalan Sektor Awam

Moderator:

YBrs. Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom
Pengarah Audit Prestasi Bahagian 1

Ahli Panel:

- i. YBrs. Dr. Anesee bin Ibrahim,
Pengarah Bahagian Penyelidikan, Perancangan Dan Dasar,
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- ii. YBrs. Dr. Norlida binti Ramly,
Ketua Penolong Pengarah Kanan Dan SME Pengurusan Strategik
ICT
Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT (BSA),
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan
Malaysia (MAMPU)

2.1.2. Ringkasan Sesi

- Moderator memulakan dengan pengenalan pendigitalan sektor awam kepada semua peserta Hari Audit Tahun 2021.
- Teknologi pengkomputeran telah berkembang hingga kini dikenali sebagai pendigitalan. Norma baharu kesan daripada pandemik COVID-19 telah merubah cara komunikasi dan berurusan, dengan pendigitalan merupakan alternatif baharu dalam sektor awam.

- memulakan soalan dengan bertanyakan kepada panel berkaitan inisiatif peringkat JPA berkaitan norma baharu.
- Panel 1 menjawab hala tuju negara untuk meningkatkan pendigitalan dilihat dari sudut berikut: 1. Meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam; dan 2. Penyampaian perkhidmatan awam lebih melangkaui ekspektasi pelanggan.
- Kaedah baharu bekerja seperti bermesyuarat dan bekerja dari rumah melalui proses pendigitalan sektor awam. JPA sentiasa komited dengan membangunkan dan mengeluarkan dasar-dasar dan surat edaran berkaitan.
- Panel 2 menjawab dengan inisiatif MAMPU membangunkan tiga inisiatif utama iaitu : 1. Aplikasi SPOT-Me; 2. Kemudahan telesidang (*video conference*); dan membangunkan aplikasi GoChat. Inisiatif ini dibangunkan sendiri oleh MAMPU seperti ditetapkan dalam Dasar Pembangunan Digital dan Pelan Strategik Sektor Awam.
- Panel 1 juga menjawab persoalan sasaran 100% penjawat awam celik digital pada tahun 2025 seperti ditetapkan dalam inisiatif 7 di bawah MyDigital (membangunkan dan meningkatkan kemahiran digital untuk semua skim dan gred) di bawah INTAN (JPA) serta Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia. Tahap celik Digital terbahagi kepada empat tahap keupayaan: 1. Akses; 2. Menggunakan; 3. Memahami dan menilai; 4. Melaksanakan.
- Panel 2 berpendapat celik digital berubah mengikut peredaran zaman. Penjawat awam perlu tahu, faham dan sedar tentang teknologi digital dalam usaha ke arah celik digital. Penjawat awam perlu belajar dan menggunakan pengetahuan pendigitalan untuk menambah baik perkhidmatan awam.

- Moderator mencadangkan untuk memperkenalkan kaedah vaksin ICT supaya dapat mempercepatkan pendigitalan sektor awam.
- Kerangka hala tuju Pendigitalan Sektor Awam telah melibatkan lapan perkara yang berkaitan dengan JAN. Panel 1 menerangkan tentang norma baharu seperti: 1. Mesyuarat secara hibrid; 2. Dasar Bekerja dari Rumah; dan 3. Pengurangan penggunaan *Hardcopy*. Aspek-aspek ini memerlukan Juruaudit melaksanakan aspek pengauditan norma baharu terhadap proses kerja dalam pendigitalan.
- Panel 2 mengulas bahawa MAMPU melalui pembangunan digital yang mantap dapat meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan negara.
- Moderator mengupas isu-isu yang berlaku seperti penggiliran sistem kuota Jemaah Haji, LKAN 2018 berkaitan isu sistem MyIMMs dan tayangan video berkaitan kes yang pernah berlaku dalam membabitkan pendigitalan.
- Panel 2 menjawab soalan berkaitan risiko dan integriti yang mana Juruaudit perlu lebih mahir dalam pendigitalan supaya dapat mengesan sebarang salah laku seperti kes menggodam sistem dalam sektor awam. Disokong oleh MAMPU supaya ciri keselamatan yang tinggi dan kawalan terhadap IT dapat mengurangkan risiko serta tertakluk kepada Akta Perlindungan Data.
- Potensi Juruaudit masa hadapan sebagai mana disarankan oleh ahli panel supaya kerangka kompetensi disesuaikan dengan jenis pendigitalan terkini dan ke hadapan. MAMPU bersetuju agar JAN diperkasakan dari segi kebebasan serta penggunaan data untuk diaudit adalah secara *real time* agar lebih berkesan.

2.1.3. Sesi Soal Jawab

Sebanyak enam soalan dikemukakan. Soalan dan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 1: Penggunaan android, *google play app*, *windows* dan sebagainya atau sistem operasi dan perisian lain meletakkan kita bergantung kepada USA dan Israel dalam penggunaan internet dan pengkomputeran atau urus niaga dalam talian. Sejauh mana Malaysia akan berusaha untuk membangunkan pakar perkomputeran dan perisian untuk bersaing dengan negara lain dan berdikari dalam dunia digital.

Jawapan: MAMPU telah membangunkan aplikasi seperti GoChat (sama seperti aplikasi WhatsApp) dalam usaha untuk bersaing dalam dunia digital. MAMPU percaya dapat membangunkan lebih banyak aplikasi yang terkini dengan penambahan peruntukan serta perjawatan untuk lebih fokus.

Soalan 2: Public who are satisfied with a public service are more likely to trust the government. Bagaimana pendigitalan sektor awam membantu meningkatkan kepercayaan ini dan bagaimana ianya boleh diukur?

Jawapan: Bagi meningkatkan kepercayaan ini kita perlu menjaga data dan meletakkan kesesuaian data seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Rahsia Rasmi).

Soalan 3: Antara penemuan Audit ialah apabila berlaku masalah yang timbul dari sistem aplikasi satu cara penyelesaian ialah kembali kepada vendor untuk pembetulan secara *back door*. Proses ini dilihat mendapat *consent* dari sebahagian pengurusan. Apa pendapat ahli panel mengenai amalan ini terhadap integriti data dalam tadbir urus dan audit?

Jawapan: Setiap masalah yang timbul perlu jelas supaya integriti data dapat dijamin terutama melibatkan tadbir urus sesuatu isu itu.

Soalan 4: Celik digital dikalangan sektor awam sudah lama berlaku, kajian MAMPU terhadap sistem aplikasi di sektor awam seluruh Malaysia mencapai 90% (tahun 2013). Data ini merangkumi agensi persekutuan, kerajaan negeri & PBT. Persoalannya sejauh mana kajian dilaksanakan terhadap kemahiran penjawat awam dalam menangani lambakan data sedia ada untuk dijadikan produk data yang komprehensif?

Jawapan: Lambakan data ini memang diakui berlaku dan MAMPU telah membangunkan Data Analitic Centre berdasarkan kluster untuk diletakkan dalam data raya.

Soalan 5: Bagaimanakah pandangan YBrs. Dr. jika Laporan Ketua Audit Negara yang telah dibentangkan di Parlimen dimasukkan ke platform TikTok dan lain-lain media sosial yang menjadi tarikan anak muda untuk mereka juga faham tentang kepentingan akauntabiliti di dalam Sektor Awam?

Jawapan: Panel 1 bersetuju sekiranya perlu menggunakan kaedah yang digunakan oleh generasi muda untuk meningkatkan libat urus kerajaan dengan generasi muda.

Soalan 6: Wujud persoalan bagaimana dapat Kerajaan mempertingkatkan kemahiran IT di kalangan juruaudit dimana ramai juruaudit adalah dari kalangan yang mempunyai kelayakan pendidikan dalam bidang perniagaan dan perakaunan namun jika dilihat dalam konteks silibus universiti tidak banyak menawarkan kursus dalam IT. Contoh di UA hanya menawarkan Bac. of Accountancy (Information System) UUM berbanding UA lain lebih fokus kepada Bac. Accountancy dengan beberapa kursus melibatkan ICT.

Jawapan: Yang lebih penting membangunkan kompetensi yang lebih relevan di kalangan juruaudit sedia ada untuk meningkatkan kapabiliti juruaudit dalam konteks negara bergerak ke arah pendigitalan.

2.1.4. Rumusan Pembentangan

JAN memerlukan kerjasama yang baik dari JPA dan MAMPU dengan hasrat menjayakan pendigitalan sektor awam. Juruaudit juga perlu peka dengan pendigitalan sektor awam dan menyokong inisiatif-inisiatif Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dalam usaha mencapai 100% penjawat awam celik digital pada tahun 2025.

2.2 SESI II

2.2.1. Ceramah: Dasar Bekerja Dari Rumah

Penceramah:

Puan Yasrina binti Yasim

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Saraan

Jabatan Perkhidmatan Awam

2.2.2. Ringkasan Pembentangan

- Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7.8.2020 bersetuju supaya cadangan mewujudkan dasar bekerja dari rumah untuk perkhidmatan awam.
- PP 5/2020: Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) berkuat kuasa 1 Januari 2021.
- Tujuan BDR:
 - mengurangi atau mengelakkan kerugian/kerosakan/kemusnahan yang boleh mengancam keselamatan;

- mengelakkan berlaku kemudaratan atau kesukaran sekiranya pegawai hadir di pejabat; dan
- mewujudkan keseimbangan dan kesejahteraan antara keperluan agensi dan pegawai.
- Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan boleh dipertimbangkan untuk BDR. BDR diambil kira sebagai hadir bertugas.
- “Rumah” bermaksud kediaman pegawai seperti alamat tempat tinggal yang didaftarkan dalam Sistem HRMIS.
- Tanggungjawab Ketua Jabatan:
 - Mengarahkan pegawai untuk BDR tertakluk kepada keperluan dan kesesuaian;
 - Memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan adalah seperti biasa; dan
 - Memantau penyempurnaan sasaran output tugas pegawai yang ditetapkan kepada pegawai semasa BDR.
- Tanggungjawab Pegawai semasa BDR:
 - Sentiasa berada di rumah, boleh dihubungi dan bersedia untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain apabila diarahkan;
 - Menyiapkan tugas atau sasaran kerja yang ditetapkan;
 - Merekod atau menyediakan laporan kerja berkaitan tugas atau kemajuan kerja yang dilaksanakan; dan
 - Mematuhi semua peraturan, garis panduan, pekeliling dan arahan yang terpakai.
- Gaji, elaun dan kemudahan:
 - Kelayakan gaji, elaun dan kemudahan pegawai yang BDR tidak terjejas;
 - Elaun Lebih Masa tidak layak dibayar kepada pegawai yang BDR;

- Kerajaan tidak akan menanggung apa-apa kos utiliti seperti bil telefon, bil elektrik, sewaan jalur lebar, pembaikan kerosakan peralatan dan sebagainya sepanjang tempoh pegawai BDR;
- Tuntutan tugas rasmi layak berdasarkan WP 1.4.
- Pegawai yang diarahkan BDR adalah layak dipertimbangkan bayaran faedah Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja sekiranya mengalami bencana sehingga menyebabkan hilang upaya kekal atau kematian semasa menjalankan tugas di rumah dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan.

2.2.3. Sesi Soal Jawab

Sebanyak 35 soalan dikemukakan. Soalan dan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 1: Adakah kuarantin kerana kontak rapat di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dianggap bekerja dari rumah?

Jawapan: Kuarantin yang diberikan di bawah Akta 342 adalah pelepasan daripada bekerja dan bukan BDR.

Soalan 2: Adakah menjaga ibu bapa yang berpenyakit serius boleh dibenarkan bekerja dari rumah sepanjang masa?

Jawapan: Tidak boleh.

Soalan 3: Bolehkah pegawai yang bekerja dari rumah menuntut bayaran bil telefon untuk internet?

Jawapan: Tidak boleh.

Soalan 4: Pegawai dijadualkan ke pejabat tetapi perlu menghadiri kursus, seminar atau latihan secara atas talian. Adakah pegawai dibenarkan menghadiri secara maya dari rumah?

Jawapan: Pegawai perlu ke pejabat seperti yang telah diarahkan dan mengikuti kursus secara maya dari pejabat. Kebenaran menghadiri secara maya dari rumah adalah tertakluk kepada arahan/kebenaran Ketua Jabatan.

Soalan 5: Adakah menjadi kesalahan di pihak Audit sekiranya permintaan untuk Auditi hadir mengemukakan dokumen menyebabkan kehadiran di kementerian/agensi yang diaudit melebihi kadar peratusan kehadiran ke pejabat bagi sektor awam dalam fasa satu, dua, tiga dan empat Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang ditetapkan?

Jawapan: Pihak Audit disyorkan untuk memaklumkan Auditi lebih awal akan keperluan untuk hadir bagi mengemukakan dokumen. Adalah prerogatif Ketua Jabatan Auditi untuk menyusun semula jadual BDR pegawai bagi mematuhi peratusan yang ditetapkan dan pada masa yang sama bekerjasama dengan pihak Audit dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam tidak terjejas.

Soalan 6: Bolehkan pegawai menjalankan tugas sampingan seperti JPAM yang dibayar elaun semasa BDR?

Jawapan: Tertakluk kepada arahan/kebenaran Ketua Jabatan.

Soalan 7: Juruaudit sering menghadapi masalah untuk mendapatkan dokumen disebabkan Auditi menggunakan alasan BDR. Perkara ini menjejaskan proses pelaksanaan pengauditan.

Jawapan: Alasan BDR tidak boleh digunakan. PP 5/2020 menetapkan Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai untuk hadir ke pejabat pada masa-masa yang diperlukan.

Soalan 8: Bolehkah pegawai menuntut Elaun Lebih Masa sekiranya diarahkan kerja lebih masa di rumah (BDR) pada hari Sabtu & Ahad?

Jawapan: Tertakluk kepada peraturan berkaitan Elaun Lebih Masa yang ditetapkan.

Soalan 9: Pegawai sedang BDR dan mempunyai urusan peribadi yang perlu diselesaikan dalam waktu pejabat. Perlukah pegawai memohon kebenaran keluar pejabat atas urusan peribadi semasa BDR?

Jawapan: Sepanjang tempoh bekerja yang ditetapkan, pegawai mesti memohon kebenaran keluar pejabat dalam sistem HRMIS dan mendapatkan kelulusan pelepasan meninggalkan pejabat daripada pegawai atasan, sebelum keluar dari rumah atas urusan peribadi.

Soalan 10: Adakah Pemandu dan Pengawal Keselamatan layak untuk BDR?

Jawapan: Tertakluk kepada arahan/kebenaran Ketua Jabatan.

Soalan 11: Terdapat agensi yang menetapkan kehadiran dua orang pegawai Audit sahaja untuk hadir di pejabat Auditi. Contohnya bagi tujuan perbincangan. Adakah pihak Audit perlu patuhi penetapan dua pegawai tersebut.

Jawapan: Tertakluk kepada perbincangan dan budi bicara kedua-dua pihak.

Soalan 12: Bolehkah pegawai keluar pada waktu rehat (1.00 - 2.00 petang) untuk urusan peribadi semasa BDR.

Jawapan: Boleh.

Soalan 13: Sekiranya pegawai merupakan kontak rapat tetapi tidak diberi borang 342 dan hanya dipantau melalui MySejahtera, bolehkah pegawai diarahkan untuk BDR oleh Ketua Jabatan?

Jawapan: Boleh. BDR tertakluk kepada arahan/kebenaran Ketua Jabatan.

Soalan 14: Sekiranya ada pegawai yang tiada capaian Internet atau capaian Internet yang kurang memuaskan, adakah Ketua Jabatan boleh meminta pegawai menggunakan talian Internet yang lebih baik untuk memudahkan tugas?

Jawapan: Boleh.

Soalan 15: Adakah Lampiran A dalam pekeliling BDR ini wajib diisi oleh semua pegawai yang dijadualkan BDR pada setiap hari? Adakah menjadi kesalahan jika borang Lampiran A itu tidak diisi? Siapa yang patut menyediakan Lampiran A tersebut? Adakah pegawai sendiri atau pihak pentadbiran Jabatan?

Jawapan: Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan arahan BDR kepada pegawai menggunakan borang Arahan Bekerja Dari Rumah seperti di Lampiran A. Borang dilengkapkan oleh Pentadbiran selepas mendapat arahan daripada Ketua Jabatan.

Soalan 16: Bagi memastikan pegawai sentiasa BDR, bolehkah pegawai dikehendaki berada di hadapan komputer dan atas talian sepanjang tempoh BDR walaupun tiada mesyuarat diadakan?

Jawapan: Tertakluk kepada budi bicara Ketua Jabatan.

Soalan 17: Pegawai sedang BDR. Rumah pegawai adalah di Putrajaya dan pegawai berada di Seremban semasa dihubungi oleh Ketua Jabatan. Ketua Jabatan meminta pegawai hadir ke pejabat. Pegawai tidak dapat hadir atas alasan jauh. Adakah pegawai perlu memohon cuti rehat?

Jawapan: Ya. Semasa BDR, pegawai perlu berada di alamat tempat tinggal yang didaftarkan dalam sistem HRMIS dan bersedia untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain apabila diarahkan.

Soalan 18: Adakah menjadi kesalahan pegawai yang diarahkan BDR mengikut jadual giliran tetapi sentiasa datang bertugas di pejabat tanpa mendapat kebenaran Ketua Jabatan?

Jawapan: Tertakluk kepada prerogatif Ketua Jabatan.

Soalan 19: Apa pandangan puan sekiranya pegawai tidak berada di rumah tetapi semua tugas dilakukan dengan baik?

Jawapan: Semua Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan mesti mematuhi semua undang-undang, peraturan, pekeliling dan arahan yang berkuat kuasa dan terpakai kepada pegawai awam.

Soalan 20: Terdapat pegawai Auditi yang tidak mahu berkongsi nombor telefon bimbit atas alasan nombor tersebut hanya untuk urusan peribadi. Ini menyebabkan pegawai sukar dihubungi, pihak Audit juga tidak dimaklumkan jadual beliau bertugas di pejabat. Bukankah sepatutnya BDR boleh hubungi telefon bimbit?

Jawapan: Antara peraturan BDR adalah pegawai yang diarah atau dibenarkan BDR mesti sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh, hari dan waktu bekerjanya. Pegawai Auditi boleh disyorkan untuk membuat *call*

forwarding. Dengan itu, apabila pegawai Auditi dihubungi di talian pejabat, panggilan tersebut akan dipanjangkan ke telefon bimbit beliau. Beliau tidak perlu berkongsi nombor telefon bimbit beliau.

Soalan 21: Bolehkah pegawai yang tidak yakin untuk menghantar anak ke taska kerana bimbang risiko COVID-19 memohon BDR untuk menjaga anak?

Jawapan: BDR adalah tertakluk kepada arahan/kebenaran Ketua Jabatan dan bukan atas permohonan pegawai.

Soalan 22: Adakah alasan menjaga anak dan membantu pembelajaran anak di rumah boleh digunakan untuk memohon BDR?

Jawapan: BDR adalah tertakluk kepada arahan/kebenaran Ketua Jabatan dan bukan atas permohonan pegawai.

Soalan 23: Pegawai yang telah diarahkan BDR tidak mahu BDR kerana suasana di rumah adalah tidak kondusif untuk membuat tugas pejabat di rumah.

Jawapan: Pegawai perlu mematuhi arahan Ketua Jabatan.

Soalan 24: Bolehkah alasan anak/suami/isteri ganggu VC maka pegawai dikecualikan dari hadir mesyuarat dalam talian? Adakah pegawai patut mengurungkan dirinya dari diganggu oleh anak/suami/isteri?

Jawapan: Alasan sedemikian tidak boleh digunakan untuk dikecualikan dari hadir mesyuarat dalam talian. Tertakluk kepada kebijaksanaan pegawai untuk menguruskan gangguan sedemikian tanpa menjejaskan kehadiran ke mesyuarat.

Soalan 25: Jadual telah ditetapkan untuk bekerja di pejabat secara penggiliran. Bagaimanapun, atas sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan seperti taska tutup tanpa pemakluman awal disebabkan COVID-19, pegawai tidak dapat hadir untuk bertugas di pejabat. Pegawai boleh melakukan tugas hari tersebut secara BDR. Soalannya, bolehkah pegawai menukar tarikh penggiliran dengan pegawai lain atau menggantikan kehadiran ke pejabat pada tarikh lain? Atau perlukah pegawai mengambil cuti rehat?

Jawapan: Tertakluk kepada budi bicara Ketua Jabatan.

Soalan 26: Bagi jawatan seperti Pemandu dan Setiausaha Pejabat yang BDR, wajarkah pegawai atasan memberikan tugas lain selain daripada tugas hakiki untuk dilaksanakan dari rumah?

Jawapan: Terpulang kepada budi bicara dan kebijaksanaan Ketua Jabatan.

Soalan 27: Bolehkah pegawai yang dijadualkan bertugas di pejabat membawa anak ke pejabat atas alasan tidak mempunyai penjaga?

Jawapan: Pegawai disyorkan untuk berbincang dengan Ketua Jabatan. Tertakluk kepada budi bicara Ketua Jabatan.

Soalan 28: Kebenaran keluar pejabat 4 jam, bolehkah diambil selalu?

Jawapan: Terpulang kepada Ketua Jabatan.

Soalan 29: Apabila ingin membuat mesyuarat bahagian secara maya, pegawai memberi alasan anak perlu PDPR dan memohon untuk tidak hadir. Adakah perlu memberi pelepasan?

Jawapan: Terpulang kepada budi bicara Ketua Jabatan.

Soalan 30: Adakah menjadi kesalahan kepada Ketua Jabatan jika tidak membenarkan permohonan pegawai untuk BDR sepanjang masa kerana alasan penjagaan anak.

Jawapan: BDR adalah tertakluk kepada arahan/kebenaran Ketua Jabatan dan bukan atas permohonan pegawai.

Soalan 31: Bolehkah pegawai yang mempunyai beberapa rumah berada di mana-mana rumah mengikut giliran. Contohnya, minggu pertama berada di rumah A, minggu kedua berada di rumah B dan seterusnya.

Jawapan: Semasa BDR, pegawai perlu berada di alamat tempat tinggal yang didaftarkan dalam sistem HRMIS.

Soalan 32: Adakah pegawai yang bertugas di kaunter layak untuk BDR?

Jawapan: Pengoperasian perkhidmatan kaunter juga adalah tertakluk kepada fasa PPN yang diumumkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Peratus kehadiran kakitangan dan kriteria pelanggan dinyatakan dalam Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 2021 - Garis Panduan Pengoperasian. Pejabat Jabatan Perkhidmatan Awam Bagi Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Soalan 33: Bagaimana dengan kumpulan sokongan yang perlu menggunakan alat seperti komputer/*printer*/Internet untuk melaksanakan tugas, tetapi tiada sebarang peruntukan diberikan?

Jawapan: Jabatan boleh berdasarkan keperluan, membekalkan peralatan dan peranti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang bersesuaian kepada pegawai. Antara peralatan dan peranti tersebut adalah komputer riba, peranti mudah alih (contoh: tablet) atau lain-lain perkakasan yang berkaitan. Pencetak dan Internet tidak akan dibekalkan. Pegawai disyorkan berbincang dengan Ketua Jabatan.

Soalan 34: Sekiranya bercuti rehat, bolehkah dijadikan alasan untuk tidak hadir mesyuarat meskipun diadakan secara atas talian?

Jawapan: Pegawai yang bercuti rehat tidak perlu menghadiri mesyuarat walaupun diadakan secara atas talian.

Soalan 35: Berapa jamkah sebenarnya waktu bekerja di pejabat di waktu PKP/PPN? Sekiranya pegawai bertugas kurang 9 jam di pejabat, bakinya hendaklah dicukupkan di rumah (BDR) kan?

Jawapan: Waktu bekerja adalah 9 jam termasuk waktu rehat selama 1 jam. Sekiranya pegawai bekerja 4 jam di pejabat, pegawai perlu menjalankan tugas selama 4 jam di rumah. Pegawai bertanggungjawab untuk mencukupkan 8 jam bekerja.

2.2.4. Rumusan Pembentangan

BDR adalah penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam sebagai alternatif cara bekerja baharu. BDR mengimbangi keperluan tugas dan kesejahteraan pegawai. Bagaimanapun, BDR bukan atas hak atau permohonan pegawai. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan hanya boleh BDR apabila mendapat arahan daripada Kerajaan atau arahan/kebenaran daripada Ketua Jabatan. Pelaksanaan BDR hendaklah dipastikan tidak akan menjejaskan atau menyebabkan penyusutan kualiti penyampaian perkhidmatan awam dan prestasi kerja pegawai.

2.3 SESI III

2.3.1. Panel Diskusi: Digital Audit : Teori Dan Pengalaman

Moderator:

YBrs. Dr. Alifah Aida binti Lope Abd Rahman

Pengarah Audit Bahagian ICT, Sektor Audit Prestasi

Ahli Panel:

- i. YBrs. Dr. Yati binti Md. Lasa,
Timbalan Pengarah Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan
- ii. YBrs. Dr. Mohd Daniel bin Mohd Nassir,
KPPA Bahagian Audit Kewangan IV, Sektor Audit Kewangan
- iii. Puan Jamiah binti Amin,
KPPA Bahagian Audit ICT, Sektor Audit Prestasi

2.3.2. Ringkasan Sesi

Pengenalan oleh Moderator:

- Sesi ini merupakan lanjutan daripada sesi forum Pendigitalan Sektor Awam yang diadakan pada hari pertama Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021.
- Panel-panel jemputan akan mengupas persoalan bagaimana pendigitalan boleh digunakan untuk menambah baik dan memantapkan pendekatan audit serta menjadi sebahagian revolusi baru dalam perkhidmatan sektor awam.

Perkara-perkara penting yang dikongsi oleh Ahli Panel 1:

YBrs. Dr. Yati binti Md. Lasa

- Antara cabaran pendigitalan di JAN adalah kesediaan Auditi untuk berkongsi data di mana, Auditi mempunyai sifat *ownership* sangat tinggi terhadap data dan maklumat yang terdapat dalam sistem, terutamanya sistem yang dibangunkan oleh mereka. JAN perlu berhadapan dengan pelbagai peringkat birokrasi untuk mendapatkan data daripada Auditi atau untuk mengakses masuk pangkalan data serta server Auditi.
- Cabaran kedua adalah berkaitan tadbir urus data. Pasukan audit perlu memastikan data-data digital disimpan, dikongsi, didokumen dan dilupuskan dengan selamat bagi memastikan integriti data selamat dan terjamin.
- Cabaran ketiga adalah menerima pakai teknologi di mana teknologi yang digunakan JAN hendaklah melangkaui teknologi Auditi dari segi kemahiran, pengetahuan dan *tools*. Sebagai contoh, pasukan audit menghadapi masalah dalam mendapatkan dan menganalisis maklumat daripada *unstructured data*.
- Cabaran-cabaran seterusnya adalah berkaitan kekurangan bajet, kekurangan bakat di JAN dan kekangan budaya dan pemikiran pegawai dalam melaksanakan pendigitalan di JAN.
- Antara manfaat digital Audit adalah kebolehan melaksanakan audit secara berterusan di mana juruaudit mempunyai akses jarak jauh terhadap sistem Auditi dan sentiasa menerima data yang kemas kini, pengauditan tidak terhad kepada "ex post sahaja" dan penggunaan digital Audit dapat memudahkan juruaudit untuk mengenal pasti kemungkinan berlakunya ketidakpatuhan.

- Digital Audit juga dapat membantu juruaudit menjalankan analisis risiko terhadap keseluruhan populasi, menggunakan data dan maklumat yang terdapat daripada pelbagai sumber serta menggunakan teknologi dalam memproses semua maklumat yang diakses dalam bentuk digital.
- Ia juga boleh membantu mengautomasikan audit, antaranya manual dan proses kerja berulang dapat diminimumkan dan *machines learning* iaitu daripada rekod lepas dan boleh digunakan semula untuk memperoleh maklumat dan panduan masa depan.
- Pendigitalan Audit turut membolehkan transaksi dalam bentuk digital di rekod secara nyata (*real time*), tidak berubah dan boleh di audit secara langsung serta membolehkan juruaudit mengakses dan mengaudit maklumat pada bila-bila masa.
- Penarafan E-Government Development Index (EGDI) tahun 2020 menunjukkan Malaysia berada di kedudukan ke-47 dalam pendigitalan global, sedangkan pada tahun 2010, Malaysia berada di kedudukan ke-32. Antara faktor yang mempengaruhi keupayaan inovasi sesebuah negara adalah kekayaan negara tersebut.
- Strategi dalam mengadaptasi analitis data dan pendigitalan pengauditan melibatkan keperluan visi dan hala tuju yang jelas dan selari. Ia perlu diwar-warkan kepada seluruh warga JAN dan mendapat sokongan serta penglibatan pihak pengurusan atasan bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya. Faktor kepimpinan sangat penting terutamanya bagi perkara-perkara yang melibatkan dasar, penentuan polisi dan pemantauan pelaksanaan digital Audit.
- Selain itu, bajet yang mencukupi dan melibatkan semua fungsi dalam JAN juga amat penting bagi memastikan setiap aspek yang berkaitan

telah diambil kira dalam pembangunan projek Digital Audit JAN. Ia juga hendaklah selari dengan Pelan Strategik ICT JAN.

- Pewujudan satu pusat kecemerlangan yang khas kepada digital Audit juga perlu bagi tujuan penyelidikan dan pelaksanaan pendigitalan audit di JAN. Pusat kecemerlangan khas ini perlu dianggotai oleh pakar-pakar teknologi maklumat dari pelbagai bidang seperti data saintis, jurutera maklumat, jurutera rangkaian, jurutera perisian, *data translator* dan sebagainya.
- Infrastruktur IT di JAN perlu seiring dengan pembangunan digital seperti keselamatan data dan capaian Internet yang baik serta ekosistem digital hendaklah bergantung antara satu sama lain bagi memastikan pelaksanaan pendigitalan audit yang berkesan.

Perkara-perkara penting yang dikongsi oleh Ahli Panel 2:

YBrs. Dr. Mohd Daniel bin Mohd Nassir

- Digital Audit merupakan satu proses mendigitalkan pengauditan di JAN.
- Tidak semua proses pengauditan boleh didigitalkan. Sebagai contoh dalam pengauditan penyata kewangan, bagi mengesahkan kewujudan sesuatu bangunan, juruaudit perlu melaksanakan semakan secara *on-site visiting* dan proses kewujudan (*existence*) ini tidak dapat didigitalkan.
- JAN perlu berpindah ke pengauditan berpacuan data di mana suatu pusat data perlu diwujudkan di JAN bagi memastikan semua data Auditi daripada pelbagai sumber dapat disatukan di bawah satu server dan data-data tersebut dijadikan dalam satu standard. Ini membolehkan juruaudit untuk mencapai data yang diperlukan di mana sahaja mereka berada bagi melaksanakan analisis yang

berkaitan. Selain itu, analisis rutin seperti *test of control* juga boleh dilaksanakan secara automasi yang mana ia amat memudahkan tugas juruaudit.

- Aspek modal insan yang perlu ditekankan dalam melaksanakan pendigitalan Audit adalah dalam jangkaan usaha di mana ia mempengaruhi tahap penggunaan sesuatu sistem oleh pengguna. Jangkaan usaha merupakan faktor yang signifikan dalam mempengaruhi niat untuk menggunakan sistem dan merujuk kepada usaha yang diperlukan untuk menggunakan sistem, sama ada mudah atau rumit.
- Terdapat empat ciri jangkaan usaha dalam membina sesuatu sistem iaitu, jelas, mudah digunakan, mudah dipelajari dan usaha untuk menggunakannya.

Perkara-perkara penting yang dikongsi oleh Ahli Panel 3:

Puan Jamiah binti Amin

- Menerusi Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia dan di bawah Inisiatif MyDigital, 100% penjawat awam dijangka celik digital menjelang tahun 2025.
- JAN perlu merangka pelan komprehensif bagi memastikan aspirasi ini tercapai.
- Juruaudit JAN perlu celik IT bagi memastikan setiap perkara yang dilaksanakan oleh Auditi dapat diteliti sewaktu melaksanakan tugas pengauditan.
- JAN telah menyertai Projek Peluasan Analitis Data Raya Sektor Awam yang diketuai oleh MAMPU. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan lanskap persekitaran IT dengan memanfaatkan aset

sedia ada dan dengan menggunakan pendekatan data raya untuk menganalisis serta membuat keputusan yang lebih berkesan.

- Lanjutan daripada projek ini, JAN telah melaksanakan eksplorasi terhadap analitis data raya dalam bidang pengauditan yang dikenali sebagai Projek Digital Audit JAN. Rangka Kerja Digital Audit JAN telah disediakan bagi memastikan pengauditan yang efektif dan berkualiti dalam memenuhi akauntabiliti untuk kesejahteraan negara.
- JAN juga telah mengadakan pelbagai kolaborasi strategik dengan pelbagai Auditi untuk perkongsian data bagi memastikan pengauditan yang menyeluruh atau holistik dapat dilaksanakan.
- Antara faktor kritikal untuk menjayakan misi pendigitalan audit di JAN adalah penambahbaikan penggunaan teknologi dalam prosedur pengauditan. Selain itu, persekitaran digital, keselamatan data, analitis data raya (*big data analytics*) dan penggunaan *advance analytics* dalam pengauditan memainkan peranan yang sama penting.
- Laporan kajian *DELL's Technology Report* Tahun 2018 menunjukkan sebanyak 70% ketua-ketua organisasi mengalu-alukan kerjasama dengan mesin bagi mengatasi limitasi modal insan. Dapatan ini adalah hasil kajian terhadap 4,000 syarikat di 40 buah negara. Ini akan menyebabkan jurang perbezaan pekerja yang ketara dari segi keupayaan (*capability*) manusia dan perkembangan teknologi mesin.

2.3.3. Sesi Soal Jawab

Sebanyak enam soalan dikemukakan. Soalan dan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 1: Perlukah setiap JAN Negeri menubuhkan Unit Digital Audit bertujuan untuk menyelaraskan proses pendigitalan Audit sama ada untuk pengauditan prestasi, kewangan dan anak syarikat tidak kira di peringkat Persekutuan atau Kerajaan Negeri?

Jawapan: Penubuhan Unit Digital Audit di setiap JAN Negeri boleh dilaksanakan sekiranya sumber manusia dan infrastruktur IT di negeri adalah mencukupi. Pada masa ini, Bahagian Audit ICT (BAICT) bertanggungjawab dalam menyelaraskan proses pendigitalan audit di JAN ada diwujudkan di ibu pejabat JAN. BAICT juga bertanggungjawab untuk memberikan khidmat nasihat dan bimbingan kepada pasukan-pasukan audit sama ada di negeri atau ibu pejabat terhadap sebarang isu berkaitan pengauditan ICT.

Soalan 2: Apakah prosedur audit yang diperlukan untuk menerima pakai bukti analitikal sebelum dapat digunakan sebagai bukti sokongan yang kukuh dan mencukupi untuk LKAN?

Jawapan: Jabatan Audit Negara ada mengeluarkan garis panduan pengauditan IT yang memerlukan kawalan am IT dan kawalan aplikasi IT dilaksanakan sebelum mengguna atau mengambil data dari sesuatu sistem. Antara prosedur audit yang boleh dijalankan untuk mengesahkan data sebelum ianya boleh digunakan untuk tujuan analisis ialah *reasonableness and limit check on financial values*. Prosedur audit ini membolehkan juruaudit untuk memastikan sekiranya nilai yang dimasukkan ke dalam sistem berkaitan adalah kurang atau melebihi had yang telah ditetapkan. Selain itu, *black box testing* juga boleh digunakan dimana juruaudit boleh melihat sekiranya input yang dimasukkan menghasilkan output yang dijangkakan atau tidak. Ini adalah antara prosedur audit yang dilaksanakan bagi memastikan sistem kawalan dalaman diambil kira sebelum sesuatu sijil audit penyata kewangan dikeluarkan.

Soalan 3: Perkara berkaitan bakat. Bakat ini penting untuk memastikan juruaudit yang ingin menjalankan digital audit ini benar-benar kompeten. Pengalaman saya semasa dipinjamkan di UAD sebelum ini cawangan kami dibekalkan dengan jawatan dari Pegawai Teknologi Maklumat (Skim F). Walaupun bukan berlatar belakang audit, pengalaman beliau sebagai seorang *programmer* firma swasta sebelum ini sangat membantu dalam menyemak struktur data, *database* dan juga *script* sistem yang dibangunkan oleh audit. Beliau juga ada menggunakan audit *tools* yang lain (bukan ACL yang biasa JAN gunakan) lebih berkesan dan cepat. Apa yang ingin saya sampaikan adalah, pengambilan pegawai teknikal ICT yang JAN akan melaksanakan perlulah mengambil kira keperluan digital audit dipadankan dengan latar belakang calon berkenaan supaya boleh membantu pasukan semasa pengauditan dijalankan.

Jawapan: Untuk makluman, unit BAICT juga menggunakan pegawai gred F untuk membantu dalam melaksanakan pengauditan IT kerana mereka lebih mahir dan kita memerlukan kepakaran dari pegawai ini terutama dalam *security*, *database* dan sebagainya.

Soalan 4: Berapakah peratusan juruaudit JAN/UAD berkemahiran ICT untuk melaksanakan pengauditan bercirikan kaedah digital? Ramai tahu secara teori namun secara praktikal hanya segelintir atau sebahagian tertentu sahaja yang mengaplikasikan kemahiran ini. Perkara ini perlu diberi penekanan serius kerana kini semua juruaudit adalah perlu untuk menjadi *IT Auditor* disebabkan pendigitalan perkhidmatan awam.

Jawapan: Maklumat peratusan juruaudit JAN/UAD berkemahiran ICT tiada buat masa ini. Bagaimanapun, maklumat-maklumat dan data-data seperti peratusan pegawai berkemahiran ICT dan jumlah juruaudit yang pernah melaksanakan pengauditan berasaskan ICT adalah diakui perlu ada dan tersedia pada bila-bila masa sekiranya diperlukan. Selain itu, sebagai aset JAN, maklumat dan data juruaudit berkemahiran ICT juga

penting di peringkat pengurusan. Ini kerana mereka perlu diurus dengan baik seperti ditempatkan di tempat yang bersesuaian agar kemahiran mereka dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta dalam urusan kenaikan pangkat agar kepakaran ini tidak mengalir keluar daripada JAN.

Soalan 5: Adakah wajar JAN menerajui *Working Group on Digital Audit* di peringkat INTOSAI atau ASOSAI? Mohon pandangan.

Jawapan: Ya, sangat wajar dan JAN terlibat dengan aktif dalam *Working Group* yang ditubuhkan di peringkat INTOSAI seperti *Working Group on IT Audit*, *Working Group on Big Data Analytics* dan *Working Group on SME* yang baharu sahaja diwujudkan. Kesemua *working group* ini bukan sahaja membantu menaikkan imej Jabatan tetapi juga dapat menambah pengalaman dan pengetahuan juruaudit menerusi sesi *sharing knowledge* antara *working group*. Sebagai contoh, JAN boleh mempelajari teknik pengauditan yang masih belum diterokai menerusi perkongsian ilmu dengan negara-negara yang telah melaksanakan teknik tersebut. Sekiranya JAN diberi peluang untuk menerajui *Working Group* digital audit di peringkat INTOSAI atau ASOSAI, ia akan membuka lebih banyak ruang dan memberi lebih banyak manfaat kepada JAN yang mana ilmu berkaitan dapat dipelajari sepanjang tempoh JAN menerajui *working group* berkenaan.

Soalan 6: Digital data merupakan satu *solution* dalam mengautomasikan kaedah pengauditan untuk jadi mudah dan cepat. Bagaimana untuk menjadikan digital audit ini sebagai *continuous auditing* yang semakin *popular* dan lebih praktikal dengan menggunakan *real time data* dalam pengauditan?

Jawapan: Untuk mengautomasikan sesuatu tugas, tugas tersebut hendaklah dipastikan boleh untuk diautomasikan secara 100 peratus atau tidak. Sekiranya tugas berkenaan tidak boleh diautomasikan sepenuhnya, *reengineering process* perlu dilaksanakan bagi mengubah

suai prosedur audit agar dapat dilaksanakan oleh mesin. Perkara ini melibatkan *structured task* dan *unstructured task*, di mana bagi *structured task*, mesin boleh mengambil alih tugas sepenuhnya. Apabila sesuatu proses itu telah dilaksanakan, *technology machine learning* akan digunakan untuk memproses data berdasarkan algoritma yang telah dibangunkan. Bagaimanapun penggunaan teknologi ini turut memerlukan maklum balas juruaudit, Sebagai contoh, sekiranya mesin memberitahu terdapatnya *outliers* atau ketidakpatuhan terhadap peraturan, juruaudit perlu memberi maklum balas dengan menyatakan sekiranya maklumat yang diberikan adalah tepat atau sebaliknya. Perkara ini akan membantu mesin untuk belajar dan proses-proses sebegini jika dapat dibangunkan atau distrukturkan dengan baik boleh membawa kepada *continuous auditing*. *Continuous auditing* bermaksud juruaudit tidak perlu membuat semakan rutin kerana proses ini akan dilaksanakan oleh mesin yang kemudiannya akan menjana satu laporan ketidakpatuhan kepada juruaudit. Bagaimanapun proses ini akan mengambil masa yang lama untuk dibangunkan iaitu jangkaan dalam masa 10 hingga 20 tahun lagi.

2.3.4. Rumusan Pembentangan

JAN bersedia melaksanakan pendigitalan audit dengan beberapa syarat yang perlu dilaksanakan. Dari perspektif pengauditan, digital audit masih baru dan JAN perlu bersedia dengan keperluan sokongan seperti kompetensi pegawai, kemudahan infrastruktur IT yang mencukupi dan anjakan minda untuk bertugas dalam norma baharu. Yang pasti, digital audit memberi manfaat dari aspek pengurusan sumber, data, komunikasi, penyampaian perkhidmatan dan *decision making*.

2.4 SESI IV

2.4.1. Ceramah: Penghayatan Kod Etika Juruaudit

Penceramah:

- i. YBrs. Dr. Sayed Alwee Hussnie Sayed Hussin
Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
- ii. Encik Mohd Khairul Ezam bin Mohd Rasali
Ketua Unit Integriti

2.4.2. Ringkasan Pembentangan

2.4.2.1 Penghayatan Kod Etika Juruaudit

i. Pengenalan

- Kod Etika Juruaudit dikeluarkan melalui Arahan KAN Bil. 4 tahun 2021 bertarikh 31 Mei 2021. Teras etika juruaudit terangkum dalam profesion juruaudit dan luas skopnya.
- Etika adalah penting untuk memperkasa profesionalisme juruaudit. Ketidakpatuhan etika telah banyak memotivasikan penyelidikan berkaitan etika di Malaysia (contohnya Razana, Alam & Jamaliah, 2021; Suhaiza & Nursia, 2018).
- Rasional ketidakpatuhan etika sering dijadikan alasan seperti,
 - “semua orang buat; bos tidak tahu”.
 - “tak ganggu kerja audit; kita jadi konsultan pada hari minggu sahaja”.
 - “saya hanya beritahu jawatan saya; bukan minta sesuatu”.

ii. Permasalahan

- Etika juruaudit adalah isu yang berpanjangan dan sentiasa menjadi persoalan.
- Soalan yang sering dibangkitkan adalah sejauh mana juruaudit mengamalkan etika? (contohnya isu juruaudit tidak kompeten).
- Perkara ini dilihat berdasarkan:
 - Aliran peningkatan kes salah laku fraud, sejak kes Enron (2001).
 - Kes fraud ditemui selepas kerja audit selesai.
 - Peratusan kesan kes salah laku adalah rendah (sekitar 10%).
 - Juruaudit dituntut agar lebih beretika. (contohnya bersikap skeptikal).

iii. Model Penghayatan Etika

Model 5A (Tuomi 1999): Peringkat Penghayatan Etika Individu

- a. Peringkat I – Artikulasi
 - Kefahaman sedia ada berkaitan etika.
 - Merupakan proses penzahiran nilai etika di peringkat individu juruaudit; sama ada juruaudit memahaminya secara konsep atau penceritaan.
- b. Peringkat II – Antisipasi
 - Membentuk kerangka etika baru, hasil kefahaman sedia ada.
 - Merupakan proses pemindahan nilai etika melalui kerja rutin juruaudit yang akhirnya membentuk kerangka etika baru; dengan menambah baik atau menolak pengetahuan etika yang sedia ada.

- c. Peringkat III - Apropriasi
 - Berkongsi nilai etika – sesama juruaudit *senior* dan *junior*.
 - Juruaudit mempelajari nilai etika daripada sumber rujukan yang sedia ada.
- d. Peringkat IV – Akumulasi
 - Menyimpan dan mengingat nilai etika ke dalam memori juruaudit.
 - Peringkat penerapan dan pemupukan nilai etika untuk panduan masa hadapan.
 - Akhirnya, membentuk amalan dan falsafah pengurusan organisasi.
- e. Peringkat V - Tindakan
 - Melibatkan amalan nilai etika kepada tingkah laku juruaudit.
 - Tingkah laku juruaudit dapat dinilai dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

iv. Peringkat dan Contoh Amalan Etika

- a. Artikulasi – memahami konsep etika
 - Amalan Etika yang bersesuaian ialah,
 - Berupaya memahami konsep asas etika
 - Meneliti penjelasan etika
- b. Antisipasi – mengaplikasi maklumat kepada rutin kerja
 - Amalan Etika yang bersesuaian ialah,
 - Ingin tahu dan berfikir secara kritis
 - Berhujah dan meminta penjelasan tambahan
- c. Apropriasi – perkongsian maklumat etika
 - Amalan Etika yang bersesuaian ialah,
 - Berkongsi pandangan dalam sesi latihan dalaman

- Perbincangan antara ahli pasukan
- d. Akumulasi – amalan etika sebatian dalam diri
 - Amalan Etika yang bersesuaian ialah,
 - Teliti dalam setiap kerja, seperti semakan kertas kerja
 - Penghasilan pemerhatian audit yang berkualiti
- e. Tindakan – pembentukan tingkah laku beretika
 - Amalan Etika yang bersesuaian ialah,
 - Kesan positif etika dan profesionalisme juruaudit
 - Amalan etika berubah mengikut persekitaran kerja

2.4.2.2. Keutamaan Integriti Demi Kecemerlangan Perkhidmatan

i. Pendahuluan

- Sepintas lalu Kod Etika Juruaudit.
 - Nilai-nilai etika – nilai/prinsip yang perlu diamalkan oleh juruaudit bagi memandu juruaudit meningkatkan prestasi kerja.
 - *Conflict of Interest* – seseorang juruaudit itu tidak akan melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang akan menjejaskan penilaiannya secara saksama dan bertentangan dengan kepentingan organisasi.
 - *Whistle Blowing* – seorang juruaudit perlu mendedahkan fakta material yang diketahui setelah disemak dimana jika tidak didedahkan mungkin menjejaskan pelaporan laporan audit.
 - Kerahsiaan – seorang juruaudit perlu menghormati nilai dan hak milik maklumat yang diterima dan tidak boleh mendedahkan tanpa kuasa yang sewajarnya kecuali terdapat keperluan undang-undang ataupun atas dasar profesionalisme sebagai juruaudit.

- Kemahiran & ilmu – seorang juruaudit hendaklah menggunakan pengetahuan dan kemahiran profesionalnya semasa menjalankan tugas, melaksanakan khidmat audit berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan dan berterusan mempertingkatkan kecekapan, keberkesanan dan kualiti khidmat yang diberikan.
- Prinsip akauntabiliti – seorang juruaudit hendaklah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab berpandukan peraturan dan undang-undang.

ii. Definisi Integriti

- Integriti bermula dari kita sendiri. Kemudian dicontohi dan diteladani oleh keluarga kita sendiri, seterusnya tersebar kepada masyarakat sekeliling.
- Integriti bermaksud kelakuan melakukan sesuatu secara beretika, dengan nilai dan kepercayaan yang diterima. (*New Sunday Times*, 17 Jun 2007)
- Cabaran kini dan masa hadapan
 - Trend Pemacu Sosial – anjakan demografi, urbanisasi, tingkah laku baharu.
 - Juruaudit perlu berubah selari dengan kehendak masyarakat.
 - Trend Pemacu Teknologi – dunia tanpa sempadan, *hyper-connectivity*, era data raya, automasi.
 - Juruaudit perlu mempelbagaikan kemahiran baharu untuk menghantar lebih banyak maklumat dan berkongsi maklumat dengan lebih pantas dengan mengaplikasikan model pengurusan baharu.

- Faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan integriti iaitu,
 - Nilai dan Prinsip Organisasi – budaya yang kurang berintegriti, takut membuat laporan, sikap tidak peduli, enggan melaporkan kesalahan pihak lain dan budaya mengampu.
 - Struktur dan Institusi – Organisasi yang mempunyai struktur tidak kemas, kurang fokus dan matlamat yang tidak jelas yang tidak sesuai dengan tuntutan semasa.
 - Sistem dan Prosedur – Kurang ketelusan, kelemahan sistem, prosedur dan garis panduan yang lapuk.
 - Keahlian – Kelemahan individu dan kepimpinan atasan yang lemah.
- Penjawat awam perlu memahami pengertian,
 - Berkecuali (*Neutrality*) dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan.
 - Adil dan Saksama (*Impartiality*) kepada semua pihak-pihak berkepentingan.
- *Rules of Law* terlaksana tanpa mengira peringkat atau status seseorang itu.
- Amalan berkecuali dapat mewujudkan perkhidmatan cemerlang.
- Berdasarkan Perkara 4(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, penjawat awam hendaklah sentiasa memberikan taat setia kepada YDP, negara dan kerajaan.
- Penjawat awam tidak boleh membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi atau menggunakan kedudukan awam bagi faedahnya sendiri atau keluarga.

- Kepentingan integriti kepada,
 - Negara – penentu kepada institusi kerajaan dan ketamadunan negara.
 - Masyarakat – mewujudkan masyarakat yang bertatasusila tinggi berdasarkan kesopanan, saling hormat menghormati dan lestari.
 - Organisasi – memastikan kecemerlangan perkhidmatan.
 - Individu – membina jati diri dan identiti serta profesionalisme di kalangan individu.

- Matlamat integriti adalah untuk,
 - Melahirkan modal insan minda kelas pertama.
 - Memahami, menghayati dan membudayakan tata kelakuan terpuji.
 - Memelihara imej perkhidmatan awam.
 - Tindakan kepada yang melanggar peraturan

2.4.3. Sesi Soal Jawab

Sebanyak tujuh soalan dikemukakan. Soalan dan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 1: Apakah menjadi isu etika dari segi bebas dan profesional sekiranya pada pandangan juruaudit banyak isu-isu yang telah diambil tindakan oleh pihak auditi dikeluarkan daripada surat pemerhatian atau draf LKAN.

Jawapan: Perkara ini telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Anti Rasuah peringkat Jabatan dan Ketua Unit Integriti sedang meneliti berkaitan isu-isu pindaan ini.

Soalan 2: Etika juruaudit dan risiko audit apa kaitannya?

Jawapan: Ianya ada kena mengena dengan tanggungjawab juruaudit iaitu menilai risiko. Melakukan kerja dengan sempurna akan mempertahankan etika juruaudit. Maknanya, pemahaman juruaudit terhadap konsep *professional due care* dan *competence* akan meningkatkan prestasi kerja audit yang secara tidak langsung meningkatkan etika kerja audit.

Soalan 3: Adakah di bawah bidang kuasa pihak Unit Integriti sekiranya ada firma audit swasta yang tidak mematuhi kod etika juruaudit, JAN selain dari kita senarai hitamkan dalam pelantikan sebagai firma audit untuk mengaudit akaun agensi Kerajaan?

Jawapan: Secara umumnya, bidang kuasa Unit Integriti hanya terhadap Jabatan di mana Unit Integriti itu berada sahaja. Fokus hanya kepada warga Jabatan sahaja.

Soalan 4: Dimanakah integriti tersebut wajar diletakkan. Masih dalam kertas atau kedudukan di atas bahu/junjung di atas kepala atau di mana kedudukan yang sesuai sebenarnya?

Jawapan: Integriti sepatutnya diletakkan di dalam hati supaya ianya sentiasa tersemat di dalam hati kita.

Soalan 5: Apakah status CRM JAN setakat ini?

Jawapan: CRM JAN telah mula dilaksanakan pada tahun 2019 dan Unit Integriti sedang membuat pemurnian dari segi kedapatan data luaran daripada lain-lain Jabatan untuk diperhalusi bersama data dalaman agar risiko yang diperolehi nanti adalah tepat.

Soalan 6: Bagaimana Unit Integriti menilai tahap integriti pegawai JAN?

Jawapan: Secara umum tahap integriti pegawai JAN adalah baik. Namun, JAN jangan mudah rasa leka dan kekalkan apa yang kita ada agar menjadi ikutan kepada penjawat awam di Kementerian/Jabatan lain.

Soalan 7: Bolehkah Unit Integriti bersama dengan juruaudit dalam menjalankan pengauditan berkaitan pematuhan integriti di agensi yang diaudit? Adakah ianya di luar skop?

Jawapan: Seperti yang sedia maklum, skop tugas Unit Integriti hanya terhad kepada Jabatan di mana Unit Integriti itu berada. Bantuan daripada Unit Integriti boleh diberikan kepada pegawai audit yang menjalankan audit berkenaan sahaja.

2.4.4. Rumusan Pembentangan

Sesi ini telah memberi penekanan bahawa penghayatan kod etika juruaudit boleh dibentuk secara berperingkat (Model 5A -Tuomi 1999), bermula daripada artikulasi iaitu memahami konsep etika, antisipasi iaitu mengaplikasi maklumat etika kepada rutin kerja audit, apropriasi iaitu berkongsi maklumat etika, akumulasi iaitu amalan etika sehati dalam diri juruaudit dan tindakan iaitu melalui kelakuan juruaudit.

Keutamaan integriti pula perlu diterapkan di dalam hati dan sanubari pegawai audit agar setiap apa yang dilakukan adalah selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan dan secara tidak langsung akan menaikkan imej negara, masyarakat, organisasi dan individu itu sendiri.

2.5 RUMUSAN PERSIDANGAN DAN MAJLIS PENUTUP

Majlis Penutup Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021 telah dilakukan oleh YBrs. Puan Patimah binti Ramuji, Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi). Dalam ucapan penutupnya, beliau menzahirkan aspirasi Jabatan supaya Sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam menjadi satu platform strategik yang mana warga Audit berpeluang untuk mendapat manfaat daripada sesi perkongsian ilmu, pengalaman dan cabaran serta meneroka teknologi terkini dalam era pendigitalan. Sinergi yang diperolehi diharapkan dapat melonjakkan penyampaian perkhidmatan juruaudit JAN dan pengauditan yang dijalankan akan melangkaui ekspektasi pemegang taruh. Projek pendigitalan audit yang dirancang akan turut menjadi pemacu kepada pemantapan kualiti dan penyampaian Laporan Audit pada masa hadapan.

Selain itu, selaras dengan tema sambutan, warga JAN perlu menerokai perkembangan teknologi hari ini bagi mendepani cabaran dalam cara hidup, corak pengauditan dan kaedah berkomunikasi yang akan datang. Pembudayaan digital perlu disemarakkan bagi mendaya upaya modal insan yang kreatif dan inovatif.

Secara keseluruhannya, Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021 dengan tema 'Juruaudit Mendepani Norma Baharu: Memperkasa Akauntabiliti Awam' telah berjaya memberi pendedahan secara konsep dan praktikal kepada warga audit untuk berubah dan mengadaptasi norma baharu seiring dengan perkembangan teknologi terkini, baik dalam kehidupan seharian mahupun situasi bekerja. Persidangan tahun ini yang terbahagi kepada 4 sesi iaitu 2 sesi ceramah dan 2 sesi perbincangan panel telah memberikan fokus kepada bagaimana warga JAN dapat melazimi norma baharu dalam era pendigitalan semasa melaksanakan pengauditan.

Berdasarkan tajuk-tajuk yang dibincangkan, boleh dirumuskan bahawa perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh juruaudit dalam menghadapi norma baharu ini adalah:

- a. Peka dengan persekitaran: Juruaudit perlu kekalkan pemahaman yang tepat dan jelas mengenai perubahan teknologi dan persekitaran operasi perkhidmatan awam dan auditi yang terus berkembang dan bagaimana perubahan ini boleh mempengaruhi objektif dan prestasi audit.
- b. Manfaatkan kepakaran yang ada: Juruaudit perlu memanfaatkan kepakaran yang ada, sama ada di peringkat dalaman Jabatan sendiri atau, jika perlu, mendapatkan nasihat daripada pihak yang berkeelayakan dan boleh dipercayai semasa melaksanakan pengauditan dalam norma baharu.
- c. Manfaatkan teknologi: Juruaudit perlu mengoptimumkan penggunaan teknologi dan amalan kerja yang fleksibel (*adopt and adapt*) bagi meningkatkan prestasi kerja. Bagi memastikan kemajuan teknologi memberi manfaat, juruaudit hendaklah bersedia untuk berubah dan meneroka ekosistem yang ditawarkan oleh teknologi yang ada pada hari ini.
- d. Kekalkan Integriti: Dalam ekosistem pendigitalan hari ini, juruaudit perlu memastikan integriti diri kekal utuh. Pematuhan kepada Kod Etika Juruaudit akan memastikan profesionalisme juruaudit pada tahap yang tertinggi. Nilai, etika dan integriti adalah merupakan jati diri yang tidak seharusnya dibuat-buat tetapi telah dibudayakan dalam diri setiap juruaudit serta menjadi contoh terbaik kepada pegawai bawahan, pegawai seliaan dan orang sekeliling. Integriti bermula dari diri sendiri dan memegang amanah yang dipertanggungjawabkan.

3. TEKS UCAPTAMA OLEH YBHG. DATUK KETUA AUDIT NEGARA

TEKS UCAPTAMA DAN PERASMIAN
YBHG. DATUK KETUA AUDIT NEGARA
SEMPENA SAMBUTAN HARI AUDIT DAN PERSIDANGAN
JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2021
PADA 20 SEPTEMBER 2021
(ISNIN, 9.50 PAGI)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan **SALAM SEJAHTERA.**

Terima kasih Pengacara Majlis
Saudara Eezwan Hafidz bin Ismail dan Puan Suraya binti Adnan

YBrs. Tuan Hj. Roslan Abu Bakar
Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat Kerajaan)

Pengarah-pengarah Bahagian

Pengarah-pengarah Audit Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan, warga JAN dan warga UAD Kementerian/Jabatan yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, marilah kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama di pagi ini untuk meraikan sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021. Sambutan pada tahun ini sangat mencabar dari segi persediaan dan penyertaan, ekoran pandemik COVID-19 pada masa kini.

2. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Penasihat serta ahli Jawatankuasa Sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021, atas komitmen dan dedikasi yang diberikan sehingga majlis ini dapat diadakan pada hari ini. Harapan saya semoga majlis ini dapat berjalan lancar dengan jayanya, Insya-Allah.
3. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran ahli panel dan penceramah kerana sudi meluangkan masa untuk berkongsi pengetahuan, pandangan dan pengalaman masing-masing. Saya difahamkan terdapat 4 sesi dengan penyertaan ahli panel dan penceramah daripada pelbagai Kementerian/Agensi yang akan turut serta, di sepanjang satu setengah hari majlis ini berlangsung.
4. Setinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) dan *Institute of Internal Auditors Malaysia* (IIAM) kerana meluluskan *Continuing Professional Education* (CPE) *hours* kepada para peserta persidangan. Saya juga mengalu-alukan penyertaan daripada MIA dan IIAM, semoga mendapat input berkenaan status terkini berkaitan pembangunan audit sektor awam.
5. Di kesempatan ini juga, kita akan melancarkan **2 Pelan Strategik, 2 Garis Panduan dan satu Laporan Hasil Penyelidikan**. Ucapan tahniah kepada Akademi Audit Negara dan Sektor Pengurusan atas pelancaran Pelan Strategik Akademi Audit Negara 2021-2025 dan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia 2021-2025. Hasil pengamatan saya, faktor yang menyumbang kepada profesionalisme juruaudit adalah faktor yang berkait dengan kompetensi dan kapasiti

juruaudit. Saya berharap agar kedua-dua Pelan Strategik ini dijadikan rujukan utama bagi memperkasa pembangunan latihan dan sumber manusia. Ucapan tahniah juga kepada Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa atas penghasilan Laporan Hasil Penyelidikan iaitu (i) Pengumpulan Bukti Audit Semasa Pandemik, (ii) Tinjauan Terhadap Amalan Kualiti Audit, dan (iii) Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*).

6. Saya turut merakamkan setinggi penghargaan untuk Unit Komunikasi Korporat atas pelancaran Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), dan Bahagian Teknikal atas pelancaran SOP Keselamatan Pengauditan di Lapangan. Kita akan saksikan tayangan video dan montaj pelancaran sebentar lagi.
7. Majlis sambutan pada kali ini sangat berbeza yang mana ia kali pertama diadakan secara dalam talian (maya) sepenuhnya. Kita sedia maklum bahawa virus COVID-19 yang merebak dengan pantas pada tahun 2020 telah menyebabkan majlis sambutan ini tidak dapat dilaksanakan pada tahun lepas. Selepas pertimbangan yang teliti, saya memutuskan untuk meneruskan sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021 sebagai tanda menghargai peranan dan tanggungjawab juruaudit sektor awam.
8. Seluruh dunia masih berhadapan dengan krisis luar jangka susulan pandemik COVID-19 yang bukan sahaja memberi implikasi negatif kepada aspek kesihatan, malah turut menjejaskan kegiatan ekonomi, sosial dan amal ibadat. Ekoran dari itu, dari segi aspek profesion juruaudit, proses penyesuaian dan pengadaptasian kerja audit sedang dinilai semula, umpamanya dalam aspek pemerolehan bukti

audit secara jarak jauh (*remote auditing*). Secara tidak langsung, penilaian semula ini memerlukan penggunaan teknologi di tahap optimum yang memerlukan kita mengubah cara hidup, corak bekerja serta bentuk komunikasi daripada bersemuka secara fizikal kepada secara maya.

9. Apa yang disebutkan tadi, adalah sesuai tema sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021 iaitu “Juruaudit Mendepani Norma Baharu: Memperkasa Akauntabiliti Awam”. Saya berharap semoga perkongsian ilmu dalam majlis sambutan ini akan memberi motivasi kepada warga JAN untuk terus menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pemegang taruh.

Warga JAN yang dihargai sekalian,

10. Dalam kita berhadapan dengan situasi semasa ini, adalah amat penting bagi JAN untuk mengekalkan kredibiliti laporan audit yang dikeluarkan. Sungguhpun JAN terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk melaksanakan pengauditan, laporan audit masih dapat dihasilkan dan dibentangkan.
11. Kekangan yang sering dihadapi oleh juruaudit JAN ialah tidak dapat bersemuka dengan auditi. Semakan dokumen juga ada kalanya tidak dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang tertentu. Bagaimanapun, kekangan ini tidak menghalang juruaudit JAN untuk terus menghasilkan laporan audit yang berkredibiliti. Bagi mengatasi masalah ini, JAN sedang menerokai cara baharu dalam corak pengauditan dan mempertingkatkan penggunaan teknologi, melalui projek pendigitalan audit. Ini seiring dengan matlamat Kerajaan untuk

memacu pendigitalan sektor awam dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang awam.

12. Justeru itu, JAN perlu mengubah cara kerja tradisional iaitu semakan secara manual ke arah digital iaitu secara maya. Memang sukar pelaksanaannya terutamanya peringkat awal kerana dokumen yang perlu disemak bukanlah sedikit. Tambahan pula, auditi juga tidak mempunyai kemudahan untuk mendigitalkan dokumen berkenaan.
13. Dengan wujudnya kekangan ini juga membolehkan juruaudit JAN untuk berfikir di luar kotak dan seterusnya menggunakan kekangan ini sebagai motivasi untuk memperluaskan penggunaan teknologi dan menghasilkan idea-idea baharu dalam pelaksanaan pengauditan. Secara tidak langsung, pandemik COVID-19 menjadi pemangkin kepada transformasi pendigitalan di JAN.

Warga JAN sekalian,

14. Salah satu agenda pendigitalan sektor awam yang diterajui oleh MAMPU ialah Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025. Pelan ini sejajar dengan *Sustainable Development Goals* 2030 (SDG 2030), Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) dan Aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Objektif utama pelan ini ialah transformasi penyampaian perkhidmatan sektor awam daripada perkhidmatan berpaksikan kerajaan kepada perkhidmatan berpaksikan rakyat.
15. JAN juga tidak ketinggalan dalam melaksanakan transformasi digital ini dengan mula membangunkan Projek Pendigitalan Audit selari

dengan MyGovEA. *Enterprise Architecture* (EA) yang dibangunkan pada awal tahun 2019 telah mengenal pasti proses pengauditan sedia ada yang memerlukan transformasi dengan menghapuskan proses berulang dan bertindan.

16. Dalam bidang pengauditan, penggunaan teknologi bukanlah sesuatu yang asing. JAN menggunakan *Computer Assisted Auditing Techniques* (CAATs) dalam melaksanakan pengauditannya dan *Audit Command Language* (ACL) merupakan perisian utama yang diguna pakai. JAN juga telah melaksanakan *electronic Working Paper* (e-WP) bermula pada tahun 2017. Namun begitu, usaha ini perlu ditingkatkan dengan mempelbagaikan pendekatan audit untuk membantu juruaudit JAN melaksanakan tugas tanpa menjejaskan kualiti pelaporan audit.
17. Penggunaan e-WP ditingkatkan dan diperluaskan dengan mencakupi semua jenis pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN. Teknologi baharu diterokai untuk memperoleh data, mengautomasi prosedur, menganalisis maklumat yang seterusnya dapat membantu juruaudit JAN untuk fokus kepada ancaman risiko yang sebenar. Dengan penggunaan teknologi yang sedang dibangunkan dalam Pelan Digital Audit JAN, skop dan objektif audit lebih jelas dengan menggunakan analitik data. Tidak mustahil suatu hari nanti, proses pengauditan bakal menggunakan *Artificial Intelligence* (AI), iaitu satu sistem automasi atau robotik bagi mengesan fraud di peringkat awal seterusnya dapat mencegah daripada berlakunya salah laku dan salah urus wang awam.

18. Dengan pendigitalan audit, ia dijangka dapat mempertingkatkan kolaborasi antara juruaudit dan auditi. Kolaborasi ini akan terjadi dengan sendirinya kerana auditi juga perlu mempertingkatkan penggunaan teknologi mereka untuk persediaan ke arah pendigitalan sektor awam. Secara tidak langsung, kolaborasi antara juruaudit dan auditi membolehkan juruaudit yang mengaplikasikan pendigitalan dalam kerja harian untuk mencipta inovasi baharu. Contohnya, pemakaian alat *drone* ketika melaksanakan pemeriksaan fizikal bagi mengesahkan bukti audit.
19. Dengan penggunaan teknologi, kualiti pengauditan akan meningkat apabila pengauditan berasaskan pensampelan beralih ke arah pengauditan berasaskan populasi. Ini membolehkan juruaudit memahami profail auditi dan pengauditan secara menyeluruh dapat dilaksanakan. Hasilnya, kualiti pengauditan diharapkan menjadi lebih baik dan laporan audit dihasilkan adalah berkredibiliti.
20. Pendigitalan audit juga dapat membantu juruaudit JAN memastikan pengurusan wang awam diurus dengan lebih cekap dan berhemat. Risiko kesilapan manual di pihak auditi dan pihak juruaudit dapat dikurangkan dengan penggunaan teknologi. Misalnya, penggunaan sistem teknologi maklumat ketika proses semakan baucar. Risiko pengesanan kesilapan yang rendah oleh juruaudit akan menjadikan pengurusan wang awam lebih telus dan tadbir urus organisasi auditi lebih baik.
21. Penglibatan secara menyeluruh oleh warga JAN bagi memastikan pendigitalan audit ini berjaya sangat penting. Saya berharap melalui majlis sambutan ini, warga JAN akan memperoleh dan seterusnya

mempraktikkan ilmu pengetahuan yang disampaikan melalui ceramah dan perbincangan yang diadakan.

22. JAN berperanan sebagai Audit Luar, namun pegawai-pegawai JAN juga ditempatkan di jawatan kader sebagai juruaudit dalam di kementerian, jabatan dan agensi tertentu. Jadi saya rasa wajar saya menyentuh mengenai UAD.
23. Pada awal bulan Julai 2021, JAN menerima cadangan untuk memperluaskan *Internal Audit Dashboard System* daripada Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) Sumber Manusia (KSM), Dato' Jamil bin Rakon. Cadangan awal mengenai sistem ini telah dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalam (BAD) Kementerian Dalam Negeri (KDN) semasa beliau berkhidmat sebagai KSU KDN. Seterusnya, beliau telah mengarahkan UAD KSM untuk mengguna pakai sistem ini. Sistem ini diadaptasi daripada sistem yang dibangunkan oleh BAD KDN dan di KSM dikenali sebagai MyAUDIT KSM dan diterajui oleh UAD KSM. Sistem ini digunakan untuk memperkasa fungsi Jawatankuasa Audit (JKA) dalam memantau tindakan susulan terhadap penemuan audit. Maklumat boleh dipaparkan secara *online and real time* semasa mesyuarat JKA.
24. MyAUDIT KSM bertujuan untuk memantau penemuan audit UAD serta tindakan pembetulan dan pembaikan yang diambil oleh PTJ hanya boleh diakses oleh pegawai KSM sahaja. Ia juga bertujuan digunakan sebagai rujukan dan *lessons learnt* serta pembelajaran kepada semua PTJ.
25. JAN sedang meneliti cadangan ini bagi menyarankan supaya menerima pakai pelaksanaan sistem ini kepada semua UAD. Antara

ciri-ciri utama MyAUDIT KSM untuk Fasa Pertama - Pengurusan Kewangan ialah:

- Setiap kriteria audit melibatkan pengurusan kewangan telah dikunci masuk dalam sistem MyAudit melibatkan 288 indikator (*pre-determined indicator*) dan juruaudit hanya perlu memilih indikator tersebut dan memasukkan isu Audit yang dibangkitkan;
- Sistem boleh diakses secara *web based* oleh semua PTJ dengan mendapat kata laluan serta maklum balas dimasukkan sendiri oleh PTJ berkaitan;
- Setiap indikator pula diberi tahap risiko iaitu risiko tinggi, sederhana dan rendah
- Sistem mempunyai *Dashboard* interaktif yang memaparkan maklumat ringkas, tepat dan informatif bagi tujuan pemantauan pihak pengurusan atasan di Jabatan/Kementerian.

Warga JAN yang saya hormati sekalian,

Kesimpulan

26. Sebagai penutup, saya ingin menekankan bahawa pendigitalan audit merupakan agenda utama JAN semasa berhadapan dengan situasi COVID-19 dan tuntutan terhadap Revolusi Industri 4.0. Saya berharap sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021 ini akan menjadi pencetus ataupun *turning point* dalam usaha untuk menjayakan agenda pendigitalan juruaudit sektor awam.

27. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada ahli Jawatankuasa dan semua pihak yang telah berganding bahu untuk menjayakan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021 ini.

28. Dengan lafaz yang mulia,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021.

Sekian,


Wabillahi taufik walhidayah wassalamuaalaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

4. GALERI

Hari Audit Sektor Awam

Majlis diacarakan oleh Encik Eezwan Hafidz bin Ismail dan
Puan Suraya binti Adnan



Perasmian oleh YBhg. Datuk Ketua Audit Negara



Pelancaran Pelan Strategik / Hasil Penyelidikan / Garis Panduan

Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia 2021-2025




Pelan Strategik Akademi Audit Negara 2021-2025



Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)



Laporan Hasil Penyelidikan: Amalan Kualiti Audit, Pengumpulan Bukti Audit Semasa Pandemik & Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*)



Prosedur Operasi Standard (SOP) Keselamatan Pengauditan di Lapangan



Sesi Bergambar

YBhg. Datuk Ketua Audit Negara bersama Pengarah di Ibu Pejabat



YBhg. Datuk Ketua Audit Negara bersama Ketua Audit Dalam (JUSA C) dan Pengarah Audit Negeri



Sesi I: Panel Diskusi

Norma Baharu: Pendigitalan Sektor Awam

YBrs. Tuan Haji Y Hamdan Bin Mohd Dom, YBrs. Dr. Anesee Bin Ibrahim & YBrs. Dr. Norlida Binti Ramly



Sesi Diskusi



MyDigital

**Kerajaan**

- 100% penjawat awam celik digital pada tahun 2025
- 80% perkhidmatan kerajaan dalam talian dari peringkat

Data merupakan komoditi masa hadapan.

Kira-kira 90% data digital dunia telah diwujudkan antara tahun 2015 hingga 2017⁵. Gaya hidup digital menghasilkan data sebanyak 2.5 kuintilion bit setiap hari. Penggunaan internet dan




Sesi II : Ceramah

Dasar Bekerja Dari Rumah

Puan Yasrina binti Yasim



Pembentangan Ceramah



Sesi III: Panel Diskusi

Digital Audit : Teori Dan Pengalaman

YBrs. Dr. Alifah Aida binti Lope Abd Rahman, YBrs. Dr. Yati binti Md. Lasa, YBrs. Dr. Mohd Daniel bin Mohd Nassir,
& Puan Jamiah binti Amin,



**HARI AUDIT
& PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2021**

SESI III : PANEL DISKUSI

DIGITAL AUDIT: TEORI DAN PENGALAMAN

MODERATOR	AHLI PANEL	AHLI PANEL	AHLI PANEL
 YBRS. DR. ALIFAH AIDA BINTI LOPE ABD RAHMAN PENGARAH BAHAGIAN AUDIT ICT SEKTOR AUDIT PRESTASI	 YBRS. DR. YATI BINTI MD. LASA TIMBALAN PENGARAH SEKTOR AUDIT PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN	 YBRS. DR. MOHD DANIEL BIN MOHD NASSIR KETUA PENOLONG PENGARAH SEKTOR AUDIT KEWANGAN	 PUAN JAMIAH BINTI AMIN KETUA PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN AUDIT ICT SEKTOR AUDIT PRESTASI

Sesi Diskusi



**CABARAN PENDIGITALAN DI
JABATAN AUDIT NEGARA**

- 01 Kesiediaan Auditi untuk berkongsi data
- 02 Tadbir urus data
- 03 Menerima pakai teknologi
- 04 Kekurangan bajet
- 05 Kekurangan bakat
- 06 Budaya dan pemikiran pegawai

The slide features a central graphic of a smartphone displaying a cloud and a padlock, symbolizing digital security challenges. The background is dark with various technology-related terms like 'BIG DATA', 'ANALYTICS', and 'CLOUD'.

SESI IV: Ceramah

Penghayatan Kod Etika Juruaudit

**Pembentangan Ceramah Oleh YBrs. Dr. Sayed Alwee Hussnie
Sayed Hussin**



**Pembentangan Ceramah Oleh Encik Mohd Khairul Ezam bin Mohd
Rasali**



Rumusan Persidangan Dan Majlis Penutup

**Majlis Penutup Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021
oleh YBrs. Puan Patimah binti Ramuji, Timbalan Ketua Audit
Negara (Prestasi)**





5. JAWATANKUASA DAN PELAPOR

JAWATANKUASA

Penaung : YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid

Penasihat : YBrs. Puan Patimah binti Ramuji

Ketua Sekretariat Utama Jawatankuasa Pelaksana : YBrs. Dr. Sayed Alwee Hussnie Sayed Hussin

Sekretariat Utama Jawatankuasa Pelaksana : YBrs. Dr. Hairul Nizam bin Yusoff

Ketua Sekretariat Pelaksana : Cik Siti Aisyah binti Ahmad Kamal
Sekretariat

Pn. Shalini binti Abdul Khalil

Pn. Noraswani binti Abd. Karim

Ketua Sekretariat Kewangan & Pentadbiran : En. Putra Nurwan Shah bin Baharuddin

Sekretariat Kewangan & Pentadbiran (Kewangan) : Pn. Susie Anak Ambin

Sekretariat Kewangan & Pentadbiran (Pengurusan Hadiah) : Pn. Marlina binti Mohd Ariffin

Sekretariat Kewangan & Pentadbiran (Teknikal) : Pn. Shahrul Bariah binti Mohd. Yusof



**Jawatankuasa Protokol & : Pn. Siti Anisah binti Abdul Rafie
Media**

Jawatankuasa Integriti : En. Mohd Khairul Ezam bin Mohd Rasali

PELAPOR

Ketua Pelapor: YBrs. Dr. Hairul Nizam bin Yusoff

Pelapor :

1. Puan Azizah binti Daud : Sambutan Hari Audit
2. Hema Latha A/P Kumaresan : Dasar Bekerja Dari Rumah
3. Puan Nor Syaera binti Nasir : Digital Audit : Teori dan Pengalaman
4. Encik Mohd Jamali bin Ralib : Norma Baharu : Pendigitalan Sektor Awam
5. Encik Shaiful Rizal bin Mohd Sani : Penghayatan Kod Etika Juruaudit
6. Puan Hema Latha A/P Kumaresan : Rumusan Persidangan Dan Majlis Penutup